

Semua Pengarah Wilayah
Semua Pengarah Bahagian
Semua KPP Unit
Semua Pegawai Laut
Semua Penolong Pegawai Laut
Semua Pembantu Laut



PEKELILING DALAMAN JABATAN LAUT MALAYSIA
BIL. 1 TAHUN 2017

KRITERIA KOMPETENSI DAN POTENSI BAGI URUSAN PEMANGKUAN
UNTUK SKIM PEMBANTU LAUT, PENOLONG PEGAWAI LAUT DAN
PEGAWAI LAUT

1. TUJUAN

Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua warga Jabatan Laut Malaysia (JLM) termasuk perjawatan kader JLM tentang keputusan Kerajaan mengenai penetapan kriteria kompetensi dan potensi bagi urusan kenaikan pangkat untuk skim Pembantu Laut, Penolong Pegawai Laut dan Pegawai Laut.

2. LATARBELAKANG

Kriteria kompetensi dan potensi merupakan elemen baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Pekeling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016,

“Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia”. Mengikut pekeliling berkenaan, seseorang pegawai yang hendak ditimbang kenaikan pangkatnya perlu lulus komponen kompetensi dan potensi.

Untuk urusan kenaikan pangkat daripada Gred AL41 ke Gred A44 misalnya, pegawai yang layak dipertimbangkan ialah mereka yang telah :

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Maklumat lanjut mengenai Skim Pembantu Laut, Penolong Pegawai Laut dan Pegawai Laut sepertimana yang terdapat di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2016 dikepilkan di **Lampiran A**.

Walau bagaimanapun, keperluan kepada komponen kompetensi dan potensi ini **TIDAK TERPAKAI** untuk kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK).

3. KELULUSAN KRITERIA KOMPETENSI DAN POTENSI

Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dalam mesyuaratnya Bil. 4 Tahun 2017 pada 20 Jun 2017 telah memutuskan perkara-perkara berikut :-

3.1 Komponen Kompetensi dan Potensi

Komponan Kompetensi ialah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) pegawai. Manakala komponen Potensi pula adalah terdiri daripada Pemikiran (*Think*), Kepimpinan (*Lead*), Komunikasi (*Speak*) dan Keupayaan Tindakan (*Act*).

3.2 Wajaran Markah

Wajaran markah yang ditetapkan ialah 75% untuk komponen Kompetensi dan 25% lagi untuk komponen Potensi.

3.3 Borang Penilaian Untuk Komponen Potensi

Borang Penilaian untuk komponen Potensi untuk Kumpulan Pelaksana iaitu Pembantu Laut dan Penolong Pegawai Laut adalah seperti di **Lampiran B**; manakala untuk Kumpulan Pengurusan & Profesional pula iaitu Pegawai Laut adalah seperti di **Lampiran B1**.

3.4 Kriteria Khas Untuk Pembantu Laut

Untuk kenaikan pangkat Pembantu Laut Gred A19 ke Gred A22, terdapat kriteria khas yang ditetapkan untuk mereka iaitu perlu lulus **Kursus Asas Pengendalian Bot**.

3.5 Pegawai Penilai dan Panel Penilai

Borang penilaian potensi akan dinilai oleh Pegawai Penilai yang merupakan penyelia kepada pegawai berkenaan. Manakala Panel Penilai pula dibentuk bagi meneliti, menyelaraskan dan mengesahkan penilaian yang dibuat oleh Pegawai Penilai. Senarai Pegawai Penilai dan anggota Panel Penilai disertakan di **Lampiran C**.

4. KURSUS ASAS PENGENDALIAN BOT

Kursus ini merupakan kriteria tambahan kepada mana-mana Pembantu Laut yang dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat daripada Gred A19 ke Gred A22. Kursus asas ini dikendalikan oleh Institut Latihan Pengangkutan Laut (ILPL) dan jadual pelaksanaan kursus ini boleh dilihat di laman web Jabatan Laut iaitu www.marine.gov.my dan jadual tersebut terdapat di dalam menu Kalender Kursus MATRAIN.

Calon-calon yang berminat untuk mengikuti kursus itu bolehlah mengisi Borang Latihan yang terdapat di dalam JALIN di bawah menu Muat Turun. Sebagai alternatif, calon-calon boleh menggunakan borang yang terdapat di **Lampiran D**. Kelulusan untuk menghadiri kursus tersebut perlulah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan masing-masing.

Kursus Asas Pengendalian Bot disediakan oleh ILPL secara percuma kepada kakitangan JLM dan juga kader Pembantu Laut JLM di jabatan/agensi lain. Tempoh kursus ialah selama lima (5) hari dan kemudahan makan minum serta tempat tinggal akan disediakan oleh ILPL.

5. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang kemusykilan dan pertanyaan lanjut berhubung dengan pelaksanaan kriteria kompetensi dan potensi ini bolehlah berhubung terus dengan Unit Pengurusan Sumber Manusia di Ibu Pejabat Laut, Pelabuhan Klang di talian 03 3346 7766.

Sekian untuk makluman dan perhatian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah



(DATO' HAJI BAHARIN BIN DATO' ABDUL HAMID)

Ketua Pengarah Laut

Tarikh : 21 Ogos 2017

Lampiran A

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI LAUT

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN/GAJI : **AL41, AL44, AL48, AL52, AL54**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,429.00); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang *nautical studies* yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,531.88); atau
 - (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,531.88); atau
 - (iv) ijazah dalam bidang arkitek laut yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,739.43); atau
 - (v) *Chief Mate of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,739.43); atau
 - (vi) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM2,739.43); atau

(vii) *Master of 3000 GT or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM3,154.55); atau

(viii) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AL41: RM3,154.55).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujiaan (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Laut adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred AL41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred AL41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AL44**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AL48**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AL52**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AL54**

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pegawai Laut Gred AL41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL44 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pegawai Laut Gred AL44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL48 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pegawai Laut Gred AL48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL52 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Pegawai Laut Gred AL52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Laut Gred AL54 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Pegawai Laut Gred AL54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Laut yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 31 Tahun 2007).

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI LAUT

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **A29, A36, A38, A40**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) diploma dalam bidang pengurusan maritim yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,794.00);
atau

- (ii) diploma dalam bidang sains nautika yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,868.36);
atau

- (iii) *Chief Mate of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,868.36);
atau

- (iv) *Second Engineer Officer of Between 750 & 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,868.36);
atau

- (v) diploma dalam bidang kejuruteraan laut yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,943.57);
atau

- (vi) *Master of Between 500 & 3000 GT Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,943.57);
atau

- (vii) *Chief Engineer Officer of Between 750 & 3000 kW on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM1,943.57);
atau
- (viii) *Chief Mate of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM2,018.77);
atau
- (ix) *Second Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM2,018.77);
atau
- (x) *Master of 3000 GT or more Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM2,093.97);
atau
- (xi) *Chief Engineer Officer of 3000 kW or more on Near Coastal Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM2,093.97);
atau
- (xii) *Officer In Charge of a Navigational Watch of 500 GT or more on Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM2,244.37);
atau
- (xiii) *Officer In Charge of an Engineering Watch of 750 kW or more on Unlimited Trade Voyages* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A29: RM2,244.37).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Laut adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred A29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED A36**
11. Penolong Pegawai Laut Gred A29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A36 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED A38**
12. Penolong Pegawai Laut Gred A36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A40**

13. Penolong Pegawai Laut Gred A38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A40 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI LAUT GRED A41**

14. Penolong Pegawai Laut yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Laut Gred A41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut yang berkuat kuasa pada 1.1.2010 (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU LAUT

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENGANGKUTAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **A19, A22, A26, A28**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A19: RM1,362.00);
atau
(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A19: RM1,362.00);
atau
(iii) *Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A19: RM1,420.12);
atau
(iv) *Engineer Officer Of Less Than 750 kW On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A19: RM1,420.12);
atau
(v) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A19: RM1,478.24);
atau
(vi) *Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred A19: RM1,536.36).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred A19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A22	10. Pembantu Laut Gred A19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A22 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A26	11. Pembantu Laut Gred A22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A26 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; (c) memiliki <i>Master Of Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages</i> atau <i>Officer In Charge Of Engineering Watch of 750 kW or More Near Coastal Trade Voyages</i>; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED A28	12. Pembantu Laut Gred A26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Laut Gred A28 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; (c) memiliki sijil kecekapan <i>Officer In Charge of Navigational Watch Of 500 GT or More Near Coastal Trade Voyages</i> atau lulus peperiksaan khas; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG PEGAWAI LAUT
GRED A29**

13. Pembantu Laut yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Laut Gred A29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Laut yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 dan 15 Tahun 2009).

**BORANG PENILAIAN TAHAP POTENSI OLEH PEGAWAI PENILAI DAN PANEL PENILAI
JABATAN LAUT MALAYSIA BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT KE GRED A22 HINGGA A40**

NAMA PEGAWAI :

NO KAD PENGENALAN :

(Kriteria Khusus ini hanya untuk kenaikan pangkat Gred A19 ke Gred A22 SAHAJA)

KRITERIA KHUSUS	
Kursus Asas Pengendalian Bot	

PERKARA	PENILAIAN OLEH PEGAWAI PENILAI					PENILAIAN OLEH PANEL PENILAI (Sekiranya berbeza daripada penilaian oleh Pegawai Penilai)					
	1	2	3	4	5	PERKARA	1	2	3	4	5
SKALA MARKAH						SKALA MARKAH					
PEMIKIRAN (THINK)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	PEMIKIRAN (THINK)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
Keupayaan Menyelesaikan Masalah						Keupayaan Menyelesaikan Masalah					
Kematangan Idea						Kematangan Idea					
Pemikiran Kreatif dan Inovatif						Pemikiran Kreatif dan Inovatif					
KEPIMPINAN (LEAD)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	KEPIMPINAN (LEAD)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
Penyelidikan dan Bimbingan						Penyelidikan dan Bimbingan					
Akauntabiliti dan Standard						Akauntabiliti dan Standard					
KOMUNIKASI (SPEAK)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	KOMUNIKASI (SPEAK)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
Penguasaan Bahasa	Bahasa Melayu					Penguasaan Bahasa	Bahasa Melayu				
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris					Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris				
Komunikasi Berkesanan						Komunikasi Berkesanan					
Pemudahcara, Analitikal						Pemudahcara, Analitikal					
KEUPAYAAN TINDAKAN (ACT)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	KEUPAYAAN TINDAKAN (ACT)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi
Ketenangan dan Keupayaan Mengawal Diri						Ketenangan dan Keupayaan Mengawal Diri					
Fokus dan Kecekalan						Fokus dan Kecekalan					
Kesegeraan Dalam Tindakan						Kesegeraan Dalam Tindakan					

TANDATANGAN KETUA JABATAN / PENILAI

Tandatangan :
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

TANDANGAN Pengerusi Panel Penilai

Tandatangan :
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

**BORANG PENILAIAN TAHAP POTENSI OLEH PEGAWAI PENILAI DAN PANEL PENILAI
JABATAN LAUT MALAYSIA BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT KE GRED AL44 HINGGA AL54**

NAMA PEGAWAI :

NO KAD PENGENALAN :

PENILAIAN OLEH PEGAWAI PENILAI		PENILAIAN OLEH PANEL PENILAI (Sekiranya berbeza daripada penilaian Pegawai Penilai)				
PERKARA	SKALA MARKAH	TAHAP				
		1	2	3	4	5
PEMIKIRAN (THINK)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	
Keupayaan Menyelesai Masalah						
Kematangan Idea						
Pemikiran Kreatif dan Inovatif						
KEPIMPINAN (LEAD)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	
Penyeliaan dan Bimbingan						
Akauntabiliti dan Standard						
KOMUNIKASI (SPEAK)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	
Bahasa Melayu						
Bahasa Inggeris						
Komunikasi Berkesan						
Pemudahcara, Analitikal						
KEUPAYAAN TINDAKAN (ACT)	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana	Sederhana Tinggi	Tinggi	
Ketenangan dan KeupayaanMengawalDiri						
Fokus dan Kecekalan						
Kesegeraan Dalam Tindakan						

Tandatangan :
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

Tandatangan :
 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :

TANDATANGAN PEGAWAI PENILAI

TANDANGAN PENERUSI PANEL PENILAI

